

02/08/2003

Jactim harus kekalkan komitmen di Malaysia

KUALA LUMPUR: Dewan Perdagangan dan Industri Jepun Malaysia (Jactim) harus mengekalkan komitmen dan meningkatkan pelaburan di negara ini apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih pentadbiran negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beliau percaya Abdullah akan mengekalkan dasar perdagangan dengan Jepun berdasarkan kemampuan Jactim membantu memajukan Malaysia sejak Dasar Pandang Ke Timur diaplikasikan dalam pentadbiran negara awal 1980-an.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak akan maju tanpa kerjasama syarikat gergasi Jepun melabur dan memindahkan teknologi ke negara ini, selain membantu melatih pekerja tempatan hingga membolehkan Malaysia mencapai kejayaan dalam bidang industri perkilangan.

"Kami berharap Jactim akan terus bekerjasama dengan kami bagi membolehkan kami terus mendapat faedah daripada perdagangan dan perindustrian Jepun.

"Saya yakin, Perdana Menteri selepas saya akan terus memberikan kerjasama penuh kepada Jactim," katanya berucap pada majlis makan malam sempena ulang tahun ke-20 penubuhan Jactim di Hotel Palace of The Golden Horses, Seri Kembangan, dekat sini, malam tadi.

Turut hadir, Naib Menteri Kanan Luar Jepun, Tetsuro Yano dan Presiden Jactim, Tan Sri Dr Kazumasa Suzuki. Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi turut memberikan ucapan dan teks ucapannya dibacakan Tetsuro Yano.

Jactim ditubuhkan pada 1983 bertujuan meningkatkan kerjasama ekonomi antara kedua-dua kerajaan, terutama dalam bidang perdagangan antarabangsa, pelaburan dan memelihara pelaburan syarikat Jepun di negara ini.

Dr Mahathir berkata, ekonomi Malaysia yang sebelum ini bergantung kepada sektor pertanian, dimajukan ke bidang perindustrian perkilangan, terutama sektor pembuatan barangan elektronik dan elektrik, melalui pelaburan syarikat Jepun.

"Kami melihat contoh pembangunan di Jepun yang berjaya keluar daripada kemusnahan Perang Dunia Kedua. Kami melaksanakan Dasar Pandang ke Timur. Kami mempelajari etika kerja rakyat Jepun.

"Meskipun kami belum mencapai taraf negara maju seperti Jepun, dalam sesetengah bidang, kami mencapai kejayaan," katanya.

Sementara itu, Suzuki berkata, berbanding hanya 121 syarikat Jepun yang menganggotai Jactim ketika ditubuhkan 20 tahun lalu, kini ada 544 syarikat Jepun menganggotainya.

Beliau berkata, syarikat berkenaan menyediakan peluang pekerjaan kepada 220,000 pekerja tempatan, iaitu kira-kira 10 peratus daripada keseluruhan tenaga kerja di negara ini.

"Kami akan terus memberikan kerjasama penuh kepada Malaysia dalam suasana menang menang," katanya.